

KEMPEN BANTUAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN

ANDA MASIH MENGHADAPI KESUKARAN MEMBAYAR BALIK PINJAMAN?

Anda boleh berbincang dengan pihak bank untuk pelan bayaran balik yang sesuai dengan keperluan kewangan anda!

APA YANG ANDA PERLU TAHU?



Jika anda merupakan golongan tersasar akibat pandemik COVID-19

1

Individu yang hilang pekerjaan pada tahun 2020 dan belum mendapat pekerjaan baharu, boleh memohon lanjutan moratorium daripada pihak bank untuk tempoh tiga bulan

2

Individu yang gajinya terjejas boleh memohon pengurangan jumlah ansuran bulanan daripada pihak bank sekurang-kurangnya untuk 6 bulan, sepadan dengan pengurangan gaji mereka bergantung kepada jenis pembiayaan

3

Lain-lain pelanggan individu dan PKS yang turut terkesan akibat COVID-19 boleh dibantu samada dengan membayar faedah sahaja untuk suatu jangka masa yang ditetapkan; memanjangkan tempoh keseluruhan pembiayaan bagi mengurangkan bayaran balik bulanan; ataupun pelepasan lain yang bersesuaian



Anda boleh mengurangkan kos pinjaman secara keseluruhan apabila keadaan kewangan anda bertambah baik dengan menghubungi pihak bank untuk menyemak semula terma pelan bayaran balik pinjaman anda



Rekod CCRIS bagi golongan tersasar yang menerima tawaran bantuan bayaran balik dari pihak bank tidak akan terjejas sepanjang tempoh pelan bayaran balik pinjaman dengan syarat:

- Permohonan bantuan bayaran balik anda dibuat sebelum 30 Jun 2021
- Pembiayaan anda tidak tertunggak melebihi 90 hari; dan
- Pinjaman dalam Ringgit Malaysia



Anda juga boleh merujuk AKPK untuk penjadualan semula pinjaman anda jika pelan yang ditawarkan oleh pihak bank tidak memenuhi situasi kewangan anda

ANDA TIDAK TAHU APA YANG PERLU ANDA TANYA PADA PIHAK BANK SEMASA PERBINCANGAN?

01

Apakah kesan terhadap **tempoh pinjaman** saya? Adakah sama atau akan dipanjangkan? Selama mana tempoh pinjaman boleh dipanjangkan?

02

Adakah **jumlah keseluruhan pinjaman** saya akan menjadi lebih tinggi atau sama seperti jumlah pinjaman asal? Apakah yang boleh saya lakukan untuk mengurangkan kos pinjaman saya?

03

Jika saya masih tidak mampu membayar **selepas tamat tempoh penangguhan**, apakah yang perlu saya lakukan?

04

Berapa lama **tempoh** untuk bank **memproses permohonan** saya? Jika saya masih tidak mendapat sebarang maklum balas, apakah nombor telefon yang boleh saya hubungi?



Sekiranya anda masih menghadapi kesulitan berbincang dengan pihak bank atau ingin membuat sebarang aduan, hubungi BNMTELELINK di:



1-300-88-5465 (LINK)



<https://telelink.bnm.gov.my>



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA